

Timbalan Presiden UMNO

Tanding penuh muhibbah: Mustafa

KUALA LUMPUR, Khamis — Pertandingan antara Tengku Razaleigh Hamsah dan Datuk Musa Hitam merebut jawatan Timbalan Presiden UMNO bukan merupakan permusuhan peribadi, tetapi semata-mata melaksanakan prinsip demokrasi yang tercatat dalam perlembagaan parti itu.

Menegaskan demikian hari ini, Setiausaha Agung UMNO Malaysia, Senator Datuk Haji Mustafa Jabar berkata, "saya kenal benar dengan sikap kedua tokoh itu, Tengku Razaleigh dan Datuk Musa adalah kawan baik."

Bellau menafikan sekeras-kerasnya dakwaan setengah pihak, terutama parti-parti pembangkang kononnya pertandingan dua tokoh itu merebut jawatan nombor dua merupakan perpecahan dalam UMNO.

"Dakwaan itu tidak benar sama sekali, ia adalah propaganda politik musuh untuk memecah-belahkan ahli-ahli UMNO menjelang perhimpunan agung UMNO 26 Jun ini," ujarnya.

Tegas bellau, pertandingan satu lawan satu antara kedua tokoh itu tidak sedikitpun menjejaskan perpaduan ahli-ahli parti.

Menurut Datuk Haji Mustafa, dakwaan itu timbul mungkin disebabkan pertandingan satu lawan satu bagi jawatan timbalan presiden yang seolah-olah nampak tegang.

Bellau menyeru ahli-ahli parti seluruh negara terus bertenang dan jangan mendengar kabar-kabar angin untuk memecah-belahkan parti.

Yakin

Katanya lagi, "saya kenal kedua-dua orang tokoh itu adalah pemimpin parti yang sayang kepada parti dan telah banyak memberi sumbangan tenaga, fikiran untuk kestabilan politik negara.

"Pertandingan mereka adalah pertandingan persaudaraan dan penuh muhibbah untuk melaksanakan prinsip demokrasi yang tercatat dalam perlembagaan UMNO Malaysia," ujar bellau.

Datuk Haji Mustafa mengulangi, pihak ibu pejabat UMNO berkecuali kepada semua pihak yang bertanding.

Bellau menyeru ahli-ahli UMNO, khususnya perwakilan bertenang dan mengadakan pemilihan yang sihat bagi menentukan kepercayaan masing-masing siapa yang patut diberi mandat dan amanah sebagai timbalan presiden untuk memikul tanggungjawab yang berat bagi meneruskan kestabilan politik negara

demikian demi kesejahteraan rakyat seluruhnya.

Datuk Haji Mustafa berkata, bellau penuh yakin perwakilan ke perhimpunan agung telahpun mempunyai keputusan dan pemilihan masing-masing.

Bagi pihak ibu pejabat UMNO, katanya, melalui Jawatankuasa Pemilihan Majlis Tertinggi telah siap segala persiapan untuk menghadapi tarikh 26 Jun.

"Kita penuh yakin pengundian akan berjalan lancar dan licin

dengan penuh tata tertib dan kebebasan," katanya.

Pemilihan atau pengundian secara sulit adalah tidak dapat diketahui oleh sesiapa pun, tambahnya.

"Kita merasa syukur atas pemilihan bahagian-bahagian kepada Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad sebagai Presiden UMNO yang ke-5, dan saya yakin bellau seorang pemimpin yang akan dapat meneruskan pimpinan bukan sahaja kepada ahli-ahli parti, tetapi kepada seluruh rakyat," tegasnya.

No. Siri 1443
No. Penerimaan 2456 SJ

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia